

NO. SOALAN: 15

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH
PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]**

TARIKH : 21 NOVEMBER 2017

RUJUKAN : 10353

SOALAN :

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **KEMENTERIAN DALAM NEGERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan boleh mempertimbangkan cadangan pengeluaran kad pengenalan baharu sebagai tambahan kepada warganegara Malaysia di Sabah untuk tujuan menyaring pendatang tanpa izin yang memiliki kad pengenalan palsu atau memiliki kad pengenalan melalui cara tidak sah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan memberikan perhatian serius terhadap isu pengeluaran kad pengenalan secara tidak teratur oleh sindiket dan individu tidak bertanggungjawab, sebagaimana yang dibangkitkan oleh saksi-saksi dalam kalangan ahli politik, penulis dan orang awam semasa prosiding Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah. Dalam hal ini, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) melalui sebuah Jawatankuasa Khas Kad Pengenalan yang ditubuhkan pada tahun 1999 telah menjalankan siasatan dan sehingga 13 Oktober 2017, sebanyak 34,663 rekod telah dibatalkan dan tidak dikeluarkan dengan kad pengenalan baharu.

Cadangan pendaftaran semula dan pengeluaran Kad Pengenalan Khas kepada rakyat Sabah perlu ditangani secara berhemah dan memerlukan pandangan serta pertimbangan Jawatankuasa Induk Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS-Induk) yang dipengerusikan secara bersama oleh YAB Menteri Dalam Negeri dan YAB Ketua Menteri Sabah supaya keselamatan, ketenteraman awam, kelangsungan dan kesejahteraan rakyat Sabah terjamin.